



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

MAKLUM BALAS AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD) BERHUBUNG INSIDEN KEMALANGAN MAUT MELIBATKAN LIMA (5) BUAH KENDERAAN DAN MENGAKIBATKAN ENAM (6) KEMATIAN DI DAERAH SEGAMAT

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) memandang serius insiden kemalangan di KM 5 Jalan Segamat-Kuantan, Segamat, Johor pada 1 September 2023 melibatkan lima (5) buah kenderaan iaitu sebuah lori membawa muatan pasir dan empat (4) kenderaan. Insiden kemalangan tersebut telah mengakibatkan enam (6) orang maut.
2. Kementerian Pengangkutan sekali lagi ingin menegaskan pendirian untuk tidak akan sesekali berkompromi terhadap mana-mana kesalahan pemanduan kenderaan pengangkutan awam darat secara berbahaya yang membabitkan kemalangan dan mengancam keselamatan pengguna jalan raya. Siasatan awal yang melibatkan penglibatan pelbagai agensi di bawah MOT sedang dilakukan bagi mengenal pasti punca kejadian, seterusnya memastikan insiden seumpama ini dapat dielakkan daripada berulang.
3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sedang dalam tindakan menjalankan Pemeriksaan dan Audit Keselamatan JPJ (JISA) terhadap syarikat Sepadu Ikhlas Sdn. Bhd. Seterusnya, JPJ akan melaksanakan audit Tataamalan Industri Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Aktiviti Pengangkutan Jalan 2010 (ICOP) oleh JPJ untuk menentukan keperluan tindakan undang-undang yang boleh diambil di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Kaedah – Kaedah di bawahnya.
4. Hasil siasatan terkini, JPJ mendapati pemandu kenderaan VEE4751 memiliki tujuh (7) saman aktif daripada 19 rekod saman JPJ. Dalam masa yang sama, kenderaan berkenaan juga mempunyai satu rekod saman aktif Polis Diraja Malaysia (PDRM).
5. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pula telah mengambil tindakan susulan dengan mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab (STS) kepada pengendali berlesen yang terlibat bertarikh 4 September 2023.



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

6. Berdasarkan laporan yang diterima didapati lori berkenaan dipercayai telah gagal membrek dan hilang kawalan lalu melanggar bahagian belakang dan kanan kenderaan malang berkenaan. Lanjutan daripada itu, APAD boleh mengambil tindakan sama ada penggantungan atau pembatalan lesen di bawah seksyen 62, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] dengan merujuk kepada kesalahan melanggar syarat berkanun lesen pengendali di bawah seksyen 58(1) Akta 715. Ditegaskan bahawa di bawah seksyen berkenaan, pengendali berlesen dan pemandunya bertanggungjawab dalam memberikan keutamaan yang paling tinggi kepada keselamatan penumpang dan pengguna jalan yang lain.
7. Di bawah Akta yang sama juga, mana-mana pengendali yang didapati melanggar mana-mana syarat lesen boleh dikenakan tindakan dan sekiranya disabitkan kesalahan didenda tidak kurang daripada RM1,000.00 tidak lebih dari RM500,000.00 atau dipenjarakan tidak lebih dua (2) tahun atau kedua-duanya.
8. Dalam masa yang sama, APAD sedang bekerjasama dengan pihak MIROS untuk mendapatkan laporan teknikal siasatan bagi mengenalpasti punca kemalangan. Hasil laporan tersebut dijangka diperolehi dalam masa terdekat.

**AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT
5 SEPTEMBER 2023**

-TAMAT-

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)
 +603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail ukk@apad.gov.my

www.apad.gov.my